

Abdullah minta Thailand siasat

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, penemuan sejumlah mata wang Malaysia daripada 11 orang yang ditahan pihak berkuasa Thailand kelmarin, bukan bukti untuk mengaitkan mereka sebagai rakyat Malaysia yang merancang atau melakukan jenayah di negara itu.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, pihak berkuasa Thai perlu menyasiat terperinci sebelum boleh membuat kesimpulan untuk menyatakannya adalah antara anggota kumpulan pemberontak di wilayah Selatan Thailand.

"Mereka juga mungkin rakyat Thailand yang memiliki wang Malaysia dan sudah tentu dia nak lari ke Malaysia... sebab itu dia bersiap sedia.

"Tanpa bukti lain, saya menafikan

mereka rakyat kita yang merancang dan berlatih di Malaysia untuk melakukan sesuatu di Thailand," katanya kepada wartawan Malaysia di Istana Tetamu di sini, petang kelmarin.

Beliau diminta mengulas laporan mengenai penahanan lapan lelaki dan tiga wanita oleh pihak berkuasa Thailand, awal pagi kelmarin dalam satu serbuan di Selatan Thailand.

Selain merampas sejumlah mata wang Malaysia, pihak berkuasa Thailand turut menjumpai komponen membuat bom serta beberapa senjata api.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, pihak berkuasa Malaysia sedia bekerjasama dengan Thailand untuk menyasiat perkara itu jika ada bukti dan maklumat lain.

"Kita tidak pernah ketepikan mak-

lumat yang dibawa oleh pihak berkuasa Thailand untuk kita menyasiatnya tapi dalam kes ini, apa saja maklumat wajar disertai dengan bukti," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa kumpulan pemberontak bebas merentasi sempadan kerana memiliki dua ke-

rakyatan, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Thailand sudah bersejua mengemukakan senarai nama rakyat masing-masing yang disyaki mempunyai dua kerakyatan.

Katanya, pihak berkuasa kedua-dua negara akan menggunakan kaedah biometrik untuk mengesan mereka yang mempunyai dua status kerakyatan.

Ditanya tindakan Malaysia apabila pihak berkuasa Thailand sering menyalahkan negara ini kononnya melindungi pemberontak, Perdana Menteri mengakui tuduhan seperti itulah yang sering didengari setiap kali tercetus kejadian di sempadan.

"Itu kita periksa tapi sejauh ini perkara itu tidak ada, kalau ada kita tetap ambil tindakan terhadap mereka," katanya.

FAKTA NOMBOR

Serbuan di Selatan Thailand

11

Ditahan

3

Wanita